

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**HUBUNGAN PENGUASAAN
KEFAHAMAN AL-QURAN
BERDASARKAN PRESTASI HAFAZAN
PELAJAR TAHFIZ**

MOHD HAKIM BIN MOTHAR RIJAN

Tesis dikemukakan bagi memenuhi keperluan untuk
ijazah

**Doktor Falsafah
(Pengajian Islam Kontemporari)**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Oktober 2025

ABSTRAK

Pendidikan tahfiz merupakan salah satu aliran pendidikan yang mendapat sambutan yang tinggi dalam kalangan masyarakat Malaysia. Terdapat pelbagai kaedah hafazan yang dipraktikkan oleh pelajar dalam menghafaz al-Quran. Kefahaman terhadap ayat merupakan salah satu kaedah dalam menghafaz al-Quran. Ia merupakan tuntutan penting dalam menterjemahkan pegangan dan pengamalan al-Quran dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, kaedah pembelajaran yang diamalkan di institusi tahfiz dilihat tertumpu kepada hafazan sahaja dan kurang memberi perhatian terhadap pemahaman ayat-ayat al-Quran. Kajian ini bertujuan mengenalpasti hubungan penguasaan kefahaman al-Quran berdasarkan prestasi hafazan pelajar tahfiz. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pengamalan kaedah hafazan dan tahap penguasaan kefahaman al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz. Kajian juga menganalisis hubungan dan pengaruh kefahaman al-Quran terhadap prestasi hafazan pelajar. Kajian menggunakan metod kuantitatif dengan melaksanakan tinjauan terhadap sampel seramai 352 orang pelajar peringkat Diploma di 3 buah institusi tahfiz zon selatan Malaysia. Edaran soal selidik serta pengumpulan data prestasi peperiksaan akhir pelajar dilaksanakan dalam kajian ini. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial (SPSS) versi 29. Seterusnya dapatan dianalisis menggunakan analisis inferensi bagi melihat hubungan serta regresi bagi melihat pengaruh antara pembolehubah. Hasil kajian mendapati kaedah hafazan yang dilaksanakan adalah pada tahap yang tinggi dengan purata ($\text{min}=4.005$). Bagi kaedah kefahaman ayat dalam menghafaz adalah pada tahap sederhana dengan min antara ($\text{min}=3.56$) hingga ($\text{min}=3.88$). Tahap penguasaan kefahaman al-Quran dalam kalangan pelajar didapati pada tahap yang tinggi dengan kefahaman kalimah-kalimah ($\text{min}=3.90$), kefahaman terhadap ilmu-ilmu al-Quran ($\text{min}=4.37$) dan kefahaman terhadap akidah dengan ($\text{min}=4.17$). Walau bagaimanapun bagi analisis hubungan kefahaman al-Quran bersandarkan prestasi hafazan (peperiksaan akhir) menggunakan analisis korelasi Spearman's Rho mendapati tiada hubungan yang signifikan diantara keduanya. Analisis regrasi pula menunjukkan pengaruh yang lemah antara kefahaman al-Quran dengan prestasi hafazan dengan nilai R adalah 0.266. Kesimpulannya satu dapatan baru dari sudut pandangan responden terhadap penguasaan kefahaman dilihat sangat penting dan berkait rapat manakala dari sudut hubungan dan pengaruhnya berdasarkan prestasi hafazan dilihat tidak mempunyai hubungan dan pengaruh yang signifikan. Penguasaan kefahaman hanya berperanan sebagai nilai tambah luaran dan tidak mempengaruhi prestasi hafazan pelajar secara khusus. Kajian akan datang boleh dilaksanakan dengan mengkaji faktor-faktor lain dan hubungkaitnya terhadap prestasi hafazan.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala pujian hanya bagi Allah SWT kerana memberi kesempatan dan ruang masa pada diri ini bagi melaksanakan kajian ilmiah ini. Selawat dan salam kepada junjungan besar baginda Nabi Muhammad SAW, para sahabat, para tabi'in para ulama', auliya dan solehin.

Setinggi penghargaan dengan ucapan jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Mohd Asmadi Bin Yakob selaku penyelia utama kajian ini dan juga penyelia bersama Dr. Ahmad Rozaini Bin Ali Hasan di atas bimbingan tumpuan tenaga, masa, pandangan dan idea serta semangat yang diberikan. Begitu juga, kesanggupan untuk memberikan tunjuk ajar, ilmu, dan motivasi dalam menyempurnakan kajian ini. Tidak dilupakan juga para panel pakar yang turut sama menyumbangkan tenaga, masa dan idea bagi melengkapkan kajian ini.

Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak-pihak yang membantu dalam melaksanakan kajian ini iaitu dari institusi tahfiz Kolej al-Quran Saidina Ali (KAQSA), Institut al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN) dan Kolej Universiti Islam Johor (KUJSI). Hasil kerjasama dan bantuan tersebut maka pengkaji berjaya menyiapkan kajian ini.

Kalungan pujian dan terima kasih penuh rahmah dan mawaddah kepada ibu dan ayah saya H dan Hj Mothar Rijan Bin Mahmud yang sentiasa mendoakan saya dan mengambil berat tentang pengajian saya ini. Tidak lupa isteri tercinta Siti Khadijah Binti Ab Rahman serta anak-anak yang menjadi motivasi dalam perjuangan ini. Begitu juga kepada Ibu dan bapa mertua Hamnah Binti Che Mat dan Allahyarham Hj Abdul Rahman Bin Dolah moga Allah mencucuri rahmat keatas rohnya. Ribuan terima kasih juga kepada adik beradik dan sahabat-sahabat yang banyak membantu, memberi semangat dan dorongan dalam menyelesaikan tugas ini.

Akhir sekali, setinggi penghargaan juga disampaikan kepada seluruh warga Universiti Teknologi MARA terutama para pensyarah, kakitangan dan sahabat-sahabat yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung. Terima kasih tidak terhingga buat kalian semua. Alhamdulillah atas kurniaan yang tidak ternilai darimu ini Ya Allah.

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
JADUAL TRANSLITERASI	xx
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Permasalahan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Skop Dan Limitasi Kajian	14
1.7 Signifikan Kajian	15
1.8 Tinjauan Kajian Lepas	16
1.9 Kerangka Konseptual Kajian	21
1.10 Definisi Oeoperasi Kajian	22
1.10.1 Tahap Penguasaan Kefahaman al-Quran	23
1.10.2 Prestasi Hafazan	23
1.10.3 Pelajar Tahfiz	24
1.11 Rumusan	24
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	25
2.1 Pendahuluan	25
2.2 Kaedah Hafazan al-Quran	25

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Al-Quran merupakan kitab dan wahyu dari Allah SWT untuk kepentingan umat manusia yang telah terpelihara sejak zaman dahulu lagi hingga hari kiamat. Ia merupakan sumber ilmu yang sangat luas dan peraturan hidup yang berguna untuk manusia. Setiap orang harus berusaha untuk memahami kandungan dan makna al-Quran supaya mereka boleh bergerak ke arah keredhaan Allah SWT dalam hidup mereka. Allah SWT telah memberikan penjelasan ini dalam al-Quran :

كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ ٢٩

Maksudnya : *(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.*

(Surah Şād : 29)

Generasi pertama yang berjaya memahami al-Quran dan melaksanakan kehendak sebenarnya dalam kehidupan mereka adalah generasi para sahabat. Menurut Sayyīd Quṭb (1994), para sahabat adalah generasi terbaik al-Quran yang pernah dirakam dalam sejarah peradaban manusia. Jawapan yang beliau berikan ketika mengulas kegemilangan generasi al-Quran adalah generasi al-Quran hanya boleh dilahirkan semula jika umat Islam berupaya melaksanakan tiga langkah yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat generasi terdahulu. Langkah-langkahnya adalah:

Pertama: Umat Islam perlu mencintai al-Quran dan menjadikannya sebagai satu-satunya sumber rujukan dalam kehidupan mereka. Ini bermakna al-Quran hendaklah berakar umbi dalam hati dan fikiran serta menjadi jiwa setiap nafas kehidupan.

Kedua: Umat Islam hendaklah mematuhi sepenuhnya perintah Allah SWT dalam al-